Pembandaran dan peningkatan pertumbuhan pelbagai jenis industri di setiap negara menyumbang kepada peningkatan pencemaran udara dunia (Nelson, 1997; Robert, 2003). Bagi seorang dewasa yang sedang rehat, proses pernafasan menyedut udara memerlukan isipadu udara sebanyak 500 mililiter dalam setiap 4 saat. Di dalam situasi bersenam atau bergerak, seseorang itu memerlukan hampir 60 liter isipadu udara dalam setiap minit. Oleh itu, penafasan seorang dewasa memerlukan 10,000 liter isipadu udara sehari, sekiranya berumur sehingga 75 tahun maka jumlah isipadu udara yang diperlukan adalah 250 juta liter dimana dapat memenuhi ruang sebuah stadium sukan. Bayi yang baru lahir memerlukan 0.9 liter isipadu udara dalam keadaan rehat ini kerana lebih kecil tubuh seseorang itu lebih banyak isipadu udara yang diperlukan berbanding orang yang bertubuh besar (Robert, 2003; Christina, 2009).

Secara saintifik, udara yang bersih tidak dapat dicari di alam ini kerana udara yang bersih memerlukan 76% gas nitrogen, 23% gas oksigen, 1% argon, 0.03% karbon

dioksida dan ditambah gas-gas lain dalam unit yang lebih kecil seperti helium dan neon. Seterusnya, udara perlu mengandungi wap sebanyak 25 gram per meter padu pada suhu bilik dengan kadar kelembapan iaitu 100%. Keadaan udara yang bersih akan dapat mengelak daripada masalah pencemaran udara dan masalah kesihatan. Di dalam keadaan yang sebenar, udara mempunyai partikel dan wap yang berpunca daripada alam semulajadi dan sumber antropogenik (aktiviti manusia). Pencemaran udara terutamanya partikel terampai (PM) yang mencemari udara yang bersih akan mengganggu keadaan semulajadi dan kesannya sangat dirasai oleh hidupan terutamanya manusia (Robert, 2003; Marko, 2005).

Daripada ratusan pencemaran udara dalam troposfera terdapat sembilan kelompok bahan pencemar yang penting iaitu; *karbon dioksida, oksida sulfur, oksida nitrogen, Sebatian Organik Mudah Meruap (Volatile Organic Compounds), Jirim zarahan terampai (Suspended particulate matter), Photochemical oxidant*, bahan radioaktif, panas yang dihasilkan oleh pembakaran minyak bumi, dan kebisingan (Miller, 1992; WHO, 2006). Udara merupakan faktor penting dalam kehidupan, namun dengan peningkatan terhadap pembangunan fizikal bandar dan pusat-pusat industri, kualiti udara semakin lama mengalami perubahan. Jika keadaan ini tidak diatasi dengan segera, perubahan tersebut boleh membahayakan kesihatan manusia, haiwan serta tumbuhan. Sukar untuk menidakkan bahawa tidak satu pun aktiviti industri yang tidak memiliki potensi mewujudkan impak negatif kepada alam sekitar. Dengan pesatnya proses perindustrian di kawasan-kawasan petempatan industri, akan terhasil unsur pencemar baru yang dibebaskan di udara sebagai hasil buangan industri.

1.2 Latar Belakang Kajian

Penggubalan pelbagai dasar dan undang-undang dalam perindustrian di Malaysia adalah lebih menjurus ke arah untuk meningkatkan sumbangan dan prestasi sektor perindustrian negara. Sektor perindustrian bagi sektor pembuatan akan menjadi tulang belakang ekonomi negara pada masa hadapan, kerajaan telah membuat pengubahsuaian segala dasar dan strategi serta berusaha memperluaskan asas perindustrian dalam sektor pembuatan. Malaysia telah melalui proses penekanan ketara dalam meningkatkan tahap industri negara sejak awal tahun 80an lagi. Pada Februari 1991, dasar baru diperkenalkan iaitu ‘Wawasan 2020’ sebagai matlamat jangka masa panjang untuk menjadikan negara Malaysia sebagai negara yang membangun dan mempunyai nilai kualiti tinggi.

Pendekatan ini telah mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi bersaing, dinamik, giat dan kental. Seiring dengan dasar tersebut, melalui agenda sektor perindustrian sudah pasti aspirasi negara maju menjelang 2020 akan dapat direalisasikan dan peranan sektor perindustrian membawa banyak kebaikan sama ada kepada rakyat mahupun negara.

Walau bagaimanapun, kepentingan industri tidak dapat dinafikan tetapi kesan yang dihasilkan daripada proses berkenaan didapati telah semakin meningkat dari tahun ke tahun. Kesan yang dikeluarkan oleh industri pembuatan dan lalu lintas mengeluarkan habuk dan debu yang bukan sahaja mencemarkan persekitaran fizikal, malahan mengancam kesihatan dan aktiviti manusia. Keadaan persekitaran fizikal dan manusia

yang tidak stabil memberi permasalahan kepada kawasan yang terlibat untuk melalui proses normal seperti mana tempat yang tidak tercemar. Kajian mengenai pencemaran udara di Malaysia yang menjurus kepada partikel ampaian masih berada di peringkat awal di mana sebahagian besarnya terhad di kawasan bandar-bandar utama seperti Klang, Shah Alam, Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, kurang dilaksanakan di kawasan bandar yang lain seperti di Ipoh, Perak.

Keadaan yang berlarutan ini ditambah lagi dengan urbanisasi yang pesat terutamanya melalui perubahan fungsi guna tanah di kawasan bandar, menyebabkan masalah pencemaran udara semakin ketara dan mendesak (Sham, 1982; Fatma, 2012). Berdasarkan Laporan Sintesis Pengurusan Kualiti Udara pada tahun 2006, Perak merupakan negeri keempat menjadi penyumbang kepada pencemaran udara melalui kegiatan perindustrian. Terdapat pelbagai jenis industri di sekitar Ipoh yang memberi kesan kepada keadaan kualiti udara seperti industri besi dan keluli, industri simen, industri bahan konkrit dan industri kayu. Pemantauan kualiti udara dan pengelolaan pencemaran udara diperlukan dalam mengkaji sumber utama pencemaran udara di kawasan ini. Pencemaran udara pada sesuatu kawasan ditentukan berdasarkan pertimbangan faktor-faktor seperti sumber emisi, pengaruh dan impak, keadaan sosial, ekonomi, dan melakukan pengukuran lapangan sesuai dengan keadaan. Kajian ini merupakan satu langkah awal untuk mengetahui pola dan taburan partikel ampaian terhadap pencemaran udara dan kesan kepada simptom masalah pernafasan di Ipoh, ini memandangkan Ipoh merupakan salah satu kawasan dalam negeri Perak yang merupakan kawasan yang paling padat penduduk.



1.3 Permasalahan Kajian

Pencemaran partikel terampai di Malaysia banyak dipengaruhi oleh proses urbanisasi, terutamanya di bandar-bandar utama. Bandar Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Ipoh, Johor Baharu dan Seberang Perai merupakan pusat-pusat penting bagi pembangunan industri. Pertumbuhan perusahaan kilang dan bahagian perkhidmatan di bandar-bandar ini menyumbangkan lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan populasi di bandar utama dan bandar di sekitarnya memerlukan kawasan perumahan dan penginapan yang mencukupi. Sehubungan dengan itu, penggunaan kenderaan bermotor, pembinaan industri serta pelbagai kemudahan tumbuh bagaikan cendawan. Kesemua keperluan ini amat bermakna untuk kemajuan tetapi memberikan



05-kesan negatif kepada persekitaran.

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Peningkatan pembinaan industri yang pelbagai bukan sahaja memberi kepentingan kepada negara, industri-industri ini juga mendatangkan kesan sampingan kepada aspek geografi fizikal dan manusia. Kerajaan dan pihak berkuasa mungkin terlepas pandang atau hanya memandang kebaikan mengenai pelbagai projek yang diluluskan untuk pembangunan ruang di sesuatu kawasan. Permasalahan timbul apabila kedudukan jalan raya dan industri menunjukkan kedudukan jarak dekat dengan kawasan perkampungan, perumahan dan kompleks-kompleks membeli belah di kawasan bandar. Maka kos bagi pemindahan atau lain-lain kos boleh mendatangkan kerugian kepada pihak-pihak tertentu. Menurut Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (1994) bangunan untuk operasi sesebuah kilang/industri perlu ditempatkan



dalam lingkungan 3 kilometer dari kawasan kediaman, perniagaan atau perindustrian yang sedia wujud atau mana-mana kawasan yang berkenaan telah diberikan lesen, permit atau kelulusan bagi tujuan pemajuan kediaman, perniagaan atau perindustrian.

Ini menyebabkan kawasan petempatan penduduk dan peniaga akan menerima kesan secara terus dari industri. Partikel terampai hasil dari sumber berkenaan yang berterbangan bukan sahaja mengganggu aktiviti manusia malah mendatangkan kesan yang buruk terhadap kesihatan. Keadaan kualiti udara menjadi satu masalah yang serius disebabkan kawasan yang berdekatan dengan kawasan industri dan jalan raya mengalami keadaan berhabuk pada jangka masa yang panjang. Masalah timbul apabila banyak aduan-aduan berkaitan pencemaran udara dan masalah kesihatan di Kawasan Ipoh. Pada tahun 2015 dan 2018 mempunyai aduan aduan berkaitan pencemaran dan masalah kesihatan (Jadual 1.1).

Sejauh manakah jarak konsentrasi partikel yang berlaku di kawasan tersebut setelah pencemaran itu berlaku dalam masa yang panjang. Debu dan habuk berterbangan dipengaruhi oleh kelajuan angin yang membawa partikel terampai mengikut arah pergerakan angin. Ini amat membahayakan kesihatan hidupan sekitar terutama sekali sistem penafasan. Di samping suhu yang kian meningkat, kadar kelembapan semakin berkurangan kerana pokok-pokok ditebang dan bangunan dibina bagi memajukan kawasan tersebut. Antara kesan daripada pencemaran partikel terampai di kawasan Ipoh dapat dilihat dalam Jadual 1.1.




Jadual 1.1

Isu semasa berkaitan masalah pencemaran partikel terampai di Ipoh yang memberi kesan kepada sistem pernafasan.

| Tarikh | Masalah / Aduan | Kawasan | Bacaan ($\mu\text{m/g}$) | Sumber |
|------------|--|-----------------------------|-------------------------------|--|
| 16.05.2008 | Orang Ipoh dalam bahaya? | Ipoh | - | Ipohtmalay.blogspot.com |
| 13.09.2015 | Lima stesen di Perak Rekod Bacaan Sederhana | Jalan Tasek, Jalan Pagoh | 66 61 | https://peraktoday.com.my |
| 14.09.2015 | Peningkatan ketara pesakit berkaitan jerebu di Perak | Ipoh | - | https://www.bharian.com.my |
| 22.10.2015 | Jerebu: Sekolah di Perak, Pulau Pinang dan Perlis diarah tutup | Perak | Sangat tidak sihat | www.astroawani.com//berita-malaysia |
| 22.10.2015 | Enam kawasan di utara catat IPU sangat tidak sihat | Jalan Tasek, Ipoh | 158 | www.astroawani.com//berita-malaysia |
| 22.03.2016 | Kilang simen menyebabkan pencemaran udara. | Batu Gajah | - | Muinsapidin.wixsite.com/suaraperak |
| 22.03.2017 | MAIPk membantu Pesakit pernafasan Kronik | Ipoh | - | www.maiamp.gov.my |
| 08.11.2017 | Pencemaran Udara Akibat Pelepasan Habuk simen oleh Kilang Simen Tasek, Ipoh. (Di baca di parlimen oleh YB. Taun Su Keong Siong) | Ipoh Timur | - | www.parlimen.gov.my |
| 16.08.2018 | Perak antara kawasan dilanda jerebu sederhana | Ipoh | - | |
| 16.08.2018 | Jerebu landa Utara semenanjung, Sarawak | Jalan Tasek, Jalan Pagoh | 74 84 | https://www.bharian.com.my |
| 09.09.2018 | Sukan: Jangkitan pernafasan, jadual futsal sabah Ditangguh Selasa | Ipoh | - | www.utusan.com.my |
| 18.01.2019 | IPU tidak sihat di beberapa kawasan sekitar Malaysia. | Ipoh | 128 | https://www.bharian.com.my |





Rajah 1.1. Jurang Kajian (Research gap).Sumber: Diubahsuai daripada Tim Carey, 2012; Dissanayake, 2013 & Rayees F., 2018.



Jadual 1.1 menunjukkan bahawa aduan kesan partikel terampai di udara yang tidak sihat boleh membahayakan kesihatan masyarakat sekitar. Maka masalah simptom pernafasan akan semakin meningkat dan membahayakan kesihatan setiap kumpulan umur. Jika pengurusan terhadap partikel terampai tidak dilakukan atau diuruskan dengan baik, keadaan ini akan mendatangkan pencemaran di kawasan sekitarnya terutamanya pencemaran udara dan air serta masalah kesihatan yang lebih kronik. Satu rangka penyelidikan berdasarkan penilaian jurang dikaji bagi mendapatkan kajian yang tepat (Rajah 1.1). Rasionalnya, kajian ini dijalankan bagi melihat konsentrasi PM₁₀ dan PM_{2.5} di kawasan kajian, menilai sejauh mana konsentrasi PM₁₀ di udara bergerak serta melihat parameter cuaca dan perkaitannya dengan konsentrasi. Hal ini penting bagi melihat sama ada mempunyai hubung kait dengan masalah simptom pernafasan sekitar.



1.4 Persoalan Kajian

- i. Apakah jenis sumber yang menyumbang kepada pencemaran PM₁₀ dan PM_{2.5}?
- ii. Apakah nilai konsentrasi partikel terampai (PM₁₀ dan PM_{2.5})?
- iii. Apakah pola ampaian (PM₁₀ dan PM_{2.5}) dan hubungannya dengan parameter meteorologi?
- iv. Apakah keadaan kesihatan penduduk di Ipoh dan kaitannya dengan masalah simptom pernafasan kesan dari partikel terampai (PM₁₀ dan PM_{2.5})?





1.5 Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti sumber yang menyumbang kepada pencemaran PM₁₀
- ii. Mengukur nilai kosentrasi PM₁₀ secara mendatar
- iii. Mengukur hubungan antara pola ampaian (partikel terampai) dengan parameter meteorologi (suhu, kelembapan, kelajuan angin)
- iv. Menilai faktor yang mempengaruhi simptom masalah pernafasan kesan daripada pencemaran PM₁₀
- v. Menilai simptom masalah pernafasan yang paling dominan akibat daripada pencemaran PM₁₀



1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis adalah satu kenyataan yang bersifat syak awalan berhubung antara suatu pembolehubah dengan pembolehubah yang lain. Untuk tujuan analisis statistik inferensi, hipotesis-hipotesis dinyatakan dalam bentuk nul (H_0) dan alternative (H_{a1}) pada paras keertian 0.05 (Rosinah E., 2012). Terdapat 12 hipotesis umum digunakan untuk diuji di dalam kajian ini. Hipotesis-hipotesis nul tersebut adalah seperti berikut:





Hubungan antara parameter meteorologi dengan konsentrasi partikel terampai

- H_{o1}: Tidak terdapat hubungan antara suhu dengan peningkatan konsentrasi PM₁₀.
- H_{o2}: Tidak terdapat hubungan antara suhu dengan peningkatan konsentrasi PM_{2.5}.
- H_{o3}: Tidak terdapat hubungan antara kelembapan dengan konsentrasi PM₁₀.
- H_{o4}: Tidak terdapat hubungan antara kelembapan dengan konsentrasi PM_{2.5}.
- H_{o5}: Tidak terdapat hubungan antara kelajuan angin dengan konsentrasi PM₁₀.
- H_{o6}: Tidak terdapat hubungan antara kelajuan angin dengan konsentrasi PM_{2.5}.

Hubungan antara simptom penyakit pernafasan dengan konsentrasi partikel terampai



05-4506832

H_{o7}: Tidak terdapat hubungan antara simptom batuk dengan konsentrasi partikel terampai.

H_{o8}: Tidak terdapat hubungan antara simptom bersin dengan konsentrasi partikel terampai.

H_{o9}: Tidak terdapat hubungan antara simptom selesema dengan konsentrasi partikel terampai.

H_{o10}: Tidak terdapat hubungan antara simptom kesukaran bernafas dengan konsentrasi partikel terampai.



1.7 Skop Kajian

Skop kajian merupakan satu bahagian penting bagi menentukan kajian yang dijalankan menepati matlamat dan objektif kajian yang telah ditetapkan sebelum menyediakan sesuatu kerangka penulisan ilmiah. Skop kajian ini melibatkan aspek pemilihan kawasan, parameter cuaca, partikel terampai, jenis data, pengumpulan data, pencerapan data di lapangan dan soal selidik.

Pemilihan kawasan kajian ini juga berdasarkan kepada pemasalahan kawasan kajian, kepesatan pembangunan, pembandaran, perindustrian, dan pengangkutan yang kian meningkat. Aspek parameter cuaca diberi perhatian meliputi partikel terampai PM₁₀ dan PM_{2.5}, suhu, kelembapan dan kelajuan angin. Data ini diambil dari rekod cuaca dan iklim bagi kawasan Ipoh menggunakan data daripada Jabatan Meteorologi Malaysia, Jabatan Alam Sekitar serta pencerapan dilapangan.

Skop kajian melalui pengumpulan data secara soal selidik dilakukan secara kajian lapangan bagi mendapatkan data berkaitan sejarah dan status kesihatan penduduk sekitar kawasan Ipoh. Soal selidik yang dilakukan merupakan penduduk dari kawasan tersebut dan bukannya datang daripada kawasan luar Ipoh. Tahap kualiti udara dan permasalahan yang dialami di kawasan kajian semakin serius. Oleh itu, soal selidik yang dilakukan akan menekankan kepada pemasalahan kesihatan yang dialami sepanjang tinggal di kawasan tersebut.



Batasan kajian tertumpu kepada kawasan sumber pencemaran yang dipilih dan kawasan petempatan dalam lingkungan persekitaran kawasan Ipoh. Berdasarkan pemerhatian dan kajian terdapat beberapa kawasan petempatan seperti kampung, taman perumahan, kawasan industri berkelompok berhampiran dengan kawasan kajian. Bagi tujuan itu, setiap pencerapan akan diambil dengan mengambil kira empat elemen yang dinyatakan bagi mengenal pasti pola dan kadar pencemaran secara mendatar. Setiap kali pencerapan dilakukan keadaan cuaca akan diutamakan. Cuaca mesti cerah dan tidak mendung. Sekiranya semasa pencerapan berlaku keadaan hujan atau terbentuknya awan gelap, pencerapan tidak akan dilakukan. Setiap stesen yang diambil mestilah di kawasan yang lapang tidak mempunyai gangguan daripada pokok dan bangunan. Sehubungan dengan itu, beberapa pendekatan kajian yang sesuai telah digunakan dalam proses pengumpulan data dan maklumat kajian seperti pemilihan kawasan kajian, keperluan data, kaedah pengumpulan data, kaedah analisis data, keperluan peralatan dan tatacara pelaksanaan kajian.

1.8 Kepentingan Kajian

Pencemaran partikel terampai (PM_{10}) perlu di kaji kerana kesan dan implikasinya adalah berbahaya. Kemerosotan kualiti udara adalah begitu ketara di kawasan bandar metropolitan yang mengalami proses perbandaran dan perindustrian yang pesat. Sebelum tahun 1970-an, beberapa pengkaji berpendapat bahawa masalah pencemaran udara di negara Malaysia adalah tidak penting kerana menerima jumlah hujan yang rata-rata



melebihi 2200 mm setahun dan ini dikatakan cukup untuk membersihkan udara yang tercemar (Sham & Jamaluddin, 1990). Namun, kini ramai pengkaji menyatakan pencemaran udara di Malaysia dan negara tropika yang lain adalah semakin serius. Peratus peningkatan indeks pencemaran setiap tahun menjelaskan kualiti udara di Malaysia semakin meningkat (Oliver, et.al 2011).

Berbalik kepada tajuk kajian, kebanyakan kajian yang dilakukan sebelum ini lebih banyak membincangkan mengenai penghasilan ciri-ciri partikel terampai, sumber partikel terampai, alat untuk mengukur partikel terampai, kesan partikel terampai kepada meteorologi dan model-model untuk pengiraan yang lebih tepat berkaitan partikel terampai. Tidak banyak kajian di dalam Malaysia yang menyentuh perkaitan partikel terampai dengan simptom masalah pernafasan. Ditambah lagi, kurangnya kajian yang berkaitan dengan masalah simptom pernafasan yang berpunca daripada pencemaran partikel di sekitar Ipoh, Perak.

Kajian mengenai kesan pencemaran partikel terampai kepada simptom masalah pernafasan belum lagi pernah dijalankan di Ipoh walaupun terdapat juga kajian yang menyentuh tentang PM₁₀ di sekitar bandar Ipoh tetapi tidak menyeluruh. Kajian ini dilihat penting kerana Ipoh merupakan bandar yang pesat membangun dan belum lagi dibuat kajian dalam aspek kesihatan. Tajuk kajian tentang pencemaran udara (PM₁₀) bukanlah tajuk yang baru tetapi apa yang membezakan dengan kajian lepas ialah



perbezaan lokasi dan subjek kajian. Kajian sebelum ini lebih umum dan kajian dijalankan hanya di kawasan bandar dan kawasan trafik yang menjurus kepada semua parameter. Ini kerana industri dan jalan raya kebanyakannya melepaskan bahan asing atau kimia ke udara seperti Nitrogen Oksida (NO_x), Sulfur Oksida (SO_2), partikel-partikel terampai (PM), Karbon Dioksida (CO_2) dan gas rumah hijau (GHG) daripada operasi yang berjalan (Stern, 1976; Babatunde, et.al 2013). Kajian kali ini lebih berfokus kepada partikel terampai dan simptom masalah pernafasan di kawasan bandar Ipoh.

Oleh itu, kajian ini penting dijalankan bagi melihat tahap pencemaran partikel terampai yang mana beberapa stesen cerapan telah dipilih sebagai sampel dan kesannya kepada simptom masalah penafasan. Faktor-faktor meteorologi seperti suhu, kelajuan angin dan kelembapan juga diambil bagi melihat pengaruhnya terhadap konsentrasi partikel bagi setiap masa yang ditetapkan. Di samping itu, ia penting bagi membuat perbandingan dengan kualiti udara mengikut Piawai Kualiti Udara Ambien Kebangsaan (NAAQS). Justeru itu, kajian ini penting untuk mengemukakan pandangan dan kaedah pengawalan yang terbaik supaya masalah pencemaran udara yang berlaku dapat dibendung dan diatasi di Ipoh.





1.9 Organisasi Penulisan Tesis

Pengorganisasian adalah penting bagi menyusun atur perjalanan sesuatu kajian. Organisasi penulisan menjadi panduan kepada pengkaji bagi mencapai objektif kajian di samping menyiapkan keseluruhan laporan kajian. Organisasi penulisan laporan ini merupakan rumusan berhubung langkah-langkah dan tindakan yang dilakukan oleh pengkaji sebagai memberi gambaran yang jelas terhadap struktur penyelidikan yang disusun atur oleh pengkaji (Ahmad, 2005). Bagi kajian ini, secara amnya metodologi yang akan dilaksanakan dalam menghasilkan kajian ini terbahagi kepada tujuh bab iaitu:

- i. Bab 1 : Pengenalan/Pendahuluan.
- ii. Bab 2 : Ulasan Literatur.
- iii. Bab 3 : Kawasan Kajian.
- iv. Bab 4 : Metodologi Kajian.
- v. Bab 5 : Hasil kajian
- vi. Bab 6 : Analisis hasil Kajian.
- vii. Bab 7 : Perbincangan Dan Kesimpulan

1.9.1 Bab 1: Pengenalan/Pendahuluan

Pada peringkat ini, kajian berfokus kepada permasalahan yang ditimbulkan, objektif kajian, kawasan kajian, kepentingan kajian, skop dan definisi. Dalam bab ini juga, kajian akan mengupas isu permasalahan melalui pelbagai sorotan literatur atau kajian secara





teori oleh kajian-kajian luar dan maklumat media serta maklumat ilmiah bagi mendapatkan gambaran secara menyeluruh berhubung dengan isu dan permasalahan yang akan diselesaikan.

1.9.2 Bab 2: Ulasan Literatur

Ulasan literatur yang berkaitan dengan kajian amat dilakukan bagi memberi secara menyeluruh mengenai aspek-aspek yang berkaitan dengan kajian ini seperti mana yang ditunjukkan dalam Kerangka Konseptual Khusus kajian. Kefahaman dan kekuuhan sumber maklumat kajian ini adalah bergantung kepada rujukan maklumat yang diperoleh melalui ulasan literatur ini. Pada peringkat ini, kupasan maklumat dilakukan melalui pelbagai sumber elektronik atau bercetak seperti artikel, kajian ilmiah dari luar dan dalam negara, laporan rasmi kerajaan atau badan bukan kerajaan, terbitan daripada internet, surat khabar, majalah dan sebagainya. Antara aspek yang diberi perhatian adalah seperti variabel yang telah ditetapkan dalam objektif kajian iaitu konsentrasi partikel, jenis masalah simptom penyakit pernafasan dan kajian dalam bidang kesihatan. Dalam bab ini juga, kerangka konseptual menjadi panduan bagi mendapatkan maklumat terbaik berhubung dengan kajian ini.



1.9.3 Bab 3: Kawasan Kajian

Peringkat ini membincangkan tentang lokasi kajian. Lokasi kajian akan dibincangkan dengan lebih terperinci dan menyentuh aspek fizikal dan manusia. Penerangan akan diberikan kepada ciri fizikal seperti bentuk muka bumi, saliran, iklim, dan cuaca. Bagi ciri manusia adalah sistem jalan raya, jumlah penduduk dan guna tanah.

1.9.4 Bab 4: Metodologi Kajian

Peringkat keempat dalam organisasi kajian ialah Metodologi Kajian. Bab ini menjelaskan bagaimana kajian dilaksanakan, cara dan kaedah sumber atau data diperolehi, analisis data dan sampel kajian. Lokasi pencerapan ditentukan dan kawasan soal selidik diberi penekanan. Berpandukan kepada objektif kajian, sesi pencerapan telah dijalankan di kawasan sekitar bandar Ipoh, Perak.

Peringkat ini amat penting dan memerlukan pelaksanaan yang rapi kerana maklumat yang diperolehi pada peringkat ini digunakan sebagai analisis bagi mendapatkan hasil kajian atau dapatan kajian di peringkat selanjutnya. Bagi tujuan tersebut, kaedah pencerapan mestilah relevan dan mempunyai kesahan yang tinggi bagi menghasilkan dapatan terbaik dalam kajian ini.



1.9.5 Bab 5: Hasil Kajian

Dalam bab ini, hasil kajian atau data mentah dimasukkan bagi melihat pola pencemaran dan perkaitan dengan masalah kesihatan. Dapatan awal ini akan ditunjukkan dalam bentuk yang sesuai dengan kajian supaya objektif kajian tercapai. Data dipersembahkan dalam bentuk jadual, rajah dan graf. Nilai purata, maksimum, minimum dan sisipan piawai dipersembahkan bagi melihat konsentrasi hari bekerja, hari tidak bekerja dan data cerapan malam.

1.9.6 Bab 6: Analisis Hasil kajian



Pada peringkat ini, analisis data dan maklumat dijalankan. Data dan maklumat yang diperolehi adalah hasil daripada kajian lapangan dan rujukan data sekunder dihubungkaitkan. Memandangkan kaedah pengumpulan data kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah pencerapan dan soal selidik maka analisis data yang dibuat juga bergantung sepenuhnya kepada data yang diperolehi semasa pencerapan dan soal selidik di setiap stesen yang dijalankan di lapangan. Data ini akan dianalisis dari segi perhubungan langsung atau tidak dan kebolehpercayaannya yang tinggi.

Lanjutan daripada itu, hasil analisis akan menunjukkan perkaitan langsung atau tidak berhubung kesan yang berlaku akibat partikel terampai terhadap masalah pernafasan. Analisis ini juga akan mengandungi rumusan penemuan kajian yang





menentukan beberapa strategi bagi tindakan, langkah-langkah serta pertimbangan untuk mengawal permasalahan kajian ini.

1.9.7 Bab 7: Perbincangan

Peringkat ini merupakan peringkat terakhir dalam kajian. Perbincangan merujuk kepada hipotesis, hasil kajian lain dan dikaitkan bersama. Kajian akan mengemukakan cadangan atau langkah tertentu bagi masalah kesihatan yang berlaku di kawasan kajian. Bahagian ini juga akan membincangkan apakah cara terbaik kepada penduduk mengatasi masalah ini untuk mengelak daripada berlaku gangguan kesihatan dan aktiviti harian penduduk.



Cadangan-cadangan atau langkah-langkah tersebut ditentukan berdasarkan penemuan daripada hasil analisis kajian yang dijalankan pada peringkat ke enam kajian. Cadangan serta langkah-langkah penyelesaian masalah daripada pihak industri dan pihak berkuasa tempatan yang sedia ada tetapi kurang dipraktikkan akan diperbaharui dan diutarakan dalam bab ini. Secara keseluruhannya, organisasi penulisan ditunjukkan dalam Rajah 1.2. Peringkat seterusnya ialah kesimpulan. Pada peringkat ini, dirumuskan keseluruhan kajian sama ada kajian ini mendapat ilmu baru serta mencetuskan sesuatu yang penting.



BAB 1

Pengenalpastian isu

MATLAMAT DAN OBJEKTIF KAJIAN

Permasalahan kajian

PERSOALAN DAN SKOP KAJIAN**BAB 2**

Maklumat teoritikel

ULASAN LITERATUR**BAB 3****KAWASAN KAJIAN****BAB 4**

Data primer

PENGUMPULAN DATA/MAKLUMAT

Data sekunder

HASIL KAJIAN**BAB 5****ANALISIS HASIL KAJIAN****BAB 6****PERBINCANGAN**Kemukakan
cadangan dan
langkah**CADANGAN****KESIMPULAN***Rajah 1.3. Organisasi Penulisan*



1.10 Definisi Konseptual Dan Operasional

1.10.1 Pencemaran

Definisi Konseptual

Mengikut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (1993) pencemaran (*pollution*) merupakan kehadiran atau penambahan sesuatu bahan semula jadi atau bukan semula jadi ke dalam sekitaran, sehingga merosakkan sebahagian atau keseluruhan ekosistem. Pencemaran udara merupakan satu keadaan yang melibatkan kehadiran sebarang gas atau zarahan toksik atau radioaktif dalam atmosfera sama ada terhasil daripada kegiatan manusia atau proses semula jadi (Zaini Ujang, 1997; Abdul, 2015). Biasanya pencemaran udara dikaitkan dengan pelepasan asap atau bahan-bahan dari kereta, kilang, loji penunuan serta pembakaran api fosil secara domestik (Shradha, 2008).

Definisi Operasional

Pencemaran dalam kajian ini lebih kepada habuk, debu, asap dan bahan zarahan yang berada dalam udara sekitar kawasan kajian. Bahan pencemaran ini berpunca dari industri, kilang dan guna tanah yang berlaku di Ipoh, Perak. Pencemaran udara ini diklasifikasikan dalam bentuk saiz menggunakan alat cerapan (mikron per meter).



1.10.2 Partikel Terampai (PM₁₀ dan PM_{2.5})

Definisi Konseptual

Menurut Zailina et al. (1996) partikel terampai (PM₁₀) merangkumi PM_{2.5} adalah partikel yang berukuran kurang daripada 10 μ m yang boleh disedut masuk ke dalam paru-paru. Bahan zarahan terdiri daripada jumlah zarah terampai (Total Suspended Particulate, TSP) termasuk sebarang zarah pepejal dan cecair dengan garis pusat 0.03 hingga 100 mikron. Ini termasuklah zarah berbentuk habuk, jelaga, debu, debunga dan pelbagai bahan kimia serta logam seperti arsenik, kadmium dan plumbum (Pb). (Katiman Rostam, 2006; Rana, 2007; Morton L., 2012; Abdul, 2015). Partikel terampai dapat dikelaskan kepada dua iaitu primer dan sekunder. Primer partikel diambil terus dari habuk debu berterbangan manakala partikel sekunder dikesan dalam bentuk gas dalam atmosfera melalui penukaran gas kepada partikel. (Marko, 2005; Morton L., 2012; Srikanth, 2015). Penggunaan istilah partikel terampai juga boleh dilihat dalam kajian-kajian lepas dalam Jadual 1.2.

Definisi Operasional

Dalam kajian ini, Partikel Terampai (PM₁₀ dan PM_{2.5}) adalah merujuk kepada partikel zarahan terampai dalam kajian ini. Partikel terampai kawasan kajian lebih kepada habuk, debu serta asap hasil daripada kilang dan industri, kegiatan pemecahan batuan begitu juga dengan perubahan guna tanah sekitar yang menyumbang kepada pencemaran partikel terampai.



Jadual 1.2

Penggunaan istilah ‘Partikel Terampai’ dalam kajian-kajian lepas.

| Penulis | Istilah digunakan | Tajuk Kajian | Jabatan/Universiti Terlibat |
|--|--|---|---|
| Zailina Hashim, Juliana Jalaludin, Azman Zainal Abidin dan Azizi Haji Omar (1996). | Partikel terampai | Hubungan Pencemaran Partikel Terampai (PM10) dengan Pesakit Asma | <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Pemakanan dan Kesihatan Komuniti, UPM. • Jabatan Sains Alam Sekitar, UPM. • Jabatan Pediatric, UKM. • Unit Kesihatan Persekutuan dan Pekerjaan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UPM |
| Shamsul Bahari Shamsudin (2002) | Partikel ternafas, bahan terampai | Kepekatan partikel ternafas (PM10) dan plumbum ternafas dalam udara ambien di kawasan bandar dan luar bandar | <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Kejuruteraan Kimia, Jabatan Matematik, UTM. |
| Mohd Rashid Mohd Yusof, Sabariah Baharum, Fadilah Yusof (1986) | Zarahan boleh sedut, partikel di udara, zarahan terampai | Analisis Statisitik PM10 dan TSP di Udara Bandaraya Kuala Lumpur. | <ul style="list-style-type: none"> • Kulliyyah of Laws, International Islamic University Malaysia. |
| Nurul Nabila Anis Mat Seman & Maizatun Mustafa (2019) | Partikel-partiekl kecil, zarahan terampai, zarah jerebu | Jerebu Rentas Sempadan: Isu dan Cabaran Undang-Undang di Malaysia dalam Mengelakkan Kualiti Udara Yang Baik | <ul style="list-style-type: none"> • Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekutuan, UKM |
| Siti Haslina Mohd Shafie & Mastura Mahmud (2015) | Partikel zarah terampai | Pencemaran habuk di Lembah Klang melalui analisis statistik boxplot | <ul style="list-style-type: none"> • Marine Ecosystem Research Centre, Universiti Kebangsaan Malaysia. |
| Jen Nie Lee & Che Abd Rahim Mohamed (2011) | Partikel terampai | Akumulasi Partikel Terampai di Beberapa Kawasan Terumbu Karang di Semenanjung Malaysia. | <ul style="list-style-type: none"> • Environmental Management Programme, Centre for Graduate Studies, UKM. |
| Mohamed Elnour Yassen & Jamaluddin Md. Jahi (2007) | Sumber utama partikel | Investigation of Variations and Trends in TSP Concentrations in The Klang Valley Region, Malaysia. | <ul style="list-style-type: none"> • Laman Web Rasmi, APEK, USM. |
| Marziana Mohamed Alias (2015) | Partikel halus terampai | Hadapi Jerebu Dengan Tenang, Elak Panik | <ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Kesihatan Malaysia. |
| Ahli Jawatan Kuasa Teknikel dan Penilaian Garis Panduan (2020). | kehadiran partikel-partikel atau zarah-zarah halus yang terampai | Pelan Tindakan Pengurusan Kesihatan Akibat Jerebu Kementerian Kesihatan Malaysia 2020 | |



1.10.3 Parameter meteorologi

Definisi Konseptual

Meteorologi bermaksud mengkaji sifat atmosfera dan proses yang menentukan dan mencorakkan fenomena cuaca dan iklim (Shaharuddin A., 2006). Meteorologi didefinisikan sebagai ilmu geografi yang mempelajari tentang ciri-ciri fizikal dan kimia atmosfera untuk meramalkan keadaan cuaca di suatu tempat secara khusus dan di seluruh dunia secara umum. Maksud lain meteorologi adalah ilmu yang mempelajari proses fizikal dan gejala cuaca yang terjadi di dalam atmosfera terutama pada lapisan bawah iaitu troposfera. Secara khususnya, parameter meteorologi adalah suhu, kelembapan udara, kelajuan angin, hujan, arah angin, tekanan udara, radiasi solar, partikel terampai dan litupan awan. Perkara ini telah dijelaskan dalam kajian berkaitan keselamatan penentuan tapak, bentuk binaan dan pembangunan oleh Deni Septiadi (2016). Berbeza dalam kajian yang dijalankan oleh Lisa Agustina et al. (2019) yang mana beliau menggunakan parameter suhu, kelembapan udara, kelajuan angin dan hujan sebagai parameter meteorologi.

Definisi Operasional

Oleh itu, melalui kajian ini parameter meteorologi merujuk kepada suhu, kelembapan, dan kelajuan angin bagi melihat perhubungan dengan partikel terampai (PM_{10} dan $PM_{2.5}$) sebagai kesesuaian kajian. Meteorologi yang digunakan adalah lebih kepada keadaan cuaca dan iklim secara fizikal.

1.10.4 Sistem Pernafasan

Definisi Konseptual

Sistem pernafasan pada manusia adalah sistem menyedut oksigen dari udara serta mengeluarkan karbon dioksida dan wap air. Dalam proses pernafasan, oksigen adalah zat paling utama. Sistem pernafasan manusia merangkumi dua pekara, iaitu organ pernafasan dan mekanisme pernafasan (Jiyuan et al., 2013; Gregory & Tjokorda, 2017). Organ-organ pernafasan berfungsi sebagai memasukkan udara yang mengandungi oksigen dan mengeluarkan udara yang mengandungi karbon dioksida serta wap air. Sistem pernafasan terdiri daripada komponen utama iaitu dua paru-paru, organ penting sistem pernafasan, saluran udara atas dan bawah yang mengalir atau bergerak, gas masuk dan keluar dari sistem, kantung udara terminal yang disebut alveoli dikelilingi oleh jaring-kerja kapilar yang menyediakan pertukaran gas, sangkar toraks yang menempatkan, melindungi, dan memudahkan fungsi sistem dan otot pernafasan yang merangkumi otot utama, diafragma, dan otot aksesori (Bruce J.C., 2020).

Definisi Operasional

Sistem pernafasan yang dirujuk dalam kajian adalah seperti definisi konseptual. Pernafasan yang dilakukan dengan menyedut udara sekeliling yang mempunyai bahan pencemar memberi kesan kepada sistem pernafasan. Kesemua organ dalam sistem pernafasan diterangkan untuk memberi pemahaman terhadap berlakunya masalah simptom pernafasan.



1.10.5 Simptom Penyakit Pernafasan

Definisi Konseptual

Simptom atau gejala adalah ciri-ciri yang berlaku secara nampak sebelum mengalami masalah lebih serius iaitu penyakit pernafasan. Penyakit pernafasan seperti asma, bronkitis, radang paru-paru, rinitis alergi, dan sinusitis boleh merosakkan keupayaan anak untuk berfungsi dan merupakan penyebab penting ketinggalan hari persekolahan dan batasan aktiviti. Gejala/simptom yang berkaitan berlaku seperti batuk, pening, kesesakan, sakit dada, sesak nafas, gangguan pernafasan, dan kematian dalam kes-kes yang paling melampau (Daniel A., & Kristen A., 2013).



Simptom dalam kajian adalah gejala yang berlaku kesan daripada debu dan habuk persekitaran yang berpunca daripada kegiatan manusia. Simptom yang ditekankan dalam kajian ini ialah batuk, selesema, sesak nafas, dan bersin. Simptom ini berlaku disebabkan pencemaran udara yang tinggi melibatkan partikel terampai dan gas-gas berbahaya (Jadual 1.3). Keempat-empat simptom ini hanya dilihat melalui pendapat atau persepsi penduduk melalui soal selidik.





Jadual 1.3

Ulasan artikel berkaitan jenis simptom masalah penafasan kesan partikel terampai kepada sistem pernafasan.

| Penulis | Jenis Simptom Masalah Penafasan |
|-----------------------------------|--|
| Frank J. Kelly (2014) | Termengah-mengah, Batuk, Kesukaran bernafas |
| Haliza Abdul Rahman et al. (2011) | Batuk, kesukaran bernafas, alergi, selesema, demam, bersin |
| Nicolai T. et al. (2003) | Batuk, sesak nafas dan alergi |
| Nicole A.H. et al. (2003) | Sesak nafas, batuk, deman, kahak |
| Eric Garshick et al. (2003) | Batuk, kesukaran bernafas, kahak |

1.11 Rumusan



Secara keseluruhannya, Bab 1 banyak menerangkan maklumat mengenai proses sebelum, semasa dan selepas kajian dilakukan. Objektif dan matlamat kajian merupakan perkara induk yang diberi perhatian penuh dalam menjalankan dan menjayakan kajian ini. Selain itu, bab ini juga menerangkan tentang sumber-sumber data dan maklumat kajian yang boleh diterima pakai dalam menghasilkan kajian. Maklumat yang diperolehi menjadi boleh ubah bagi membantu proses pengkajian dijalankan. Pembentukan organisasi penulisan laporan sebagai panduan kajian banyak membantu penghasilan kajian yang dijalankan. Pembentukan ini adalah secara teratur dan terperinci supaya matlamat dan objektif kajian tercapai.

